

Amalan turun padang PM bantu perkaya sistem pendidikan



Dekan Pusat Pengajian Pendidikan (SoE), Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Prof Madya Dr Mohamad Khairi Othman

bhrencana@bh.com.my

Bagi warga pendidikan yang menontonnya, ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam pertemuan bersama warga Kementerian Pendidikan (KPM) pada 28 Julai lalu membawa satu mesej jelas, iaitu masa depan ekonomi, teknologi dan peradaban Malaysia bermula di sekolah.

Bagi beliau, gagasan 'menggapai di langit, mengakar ke bumi' tidak akan bermakna jika murid tidak menguasai ilmu asas, bahasa, matematik, sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) serta kemahiran digital.

Begitu juga dengan peluncuran Kecerdasan Buatan (AI) Malaysia pada hari sama yang juga ada kaitan langsung dengan persediaan di sekolah rendah dan menengah kerana ekosistem AI tidak mungkin dibangunkan tanpa asas pendidikan kukuh.

Sebaliknya, ia melengkapkan laporan rasmi dengan keadaan sebenar di lapangan.

Dalam pentadbiran pendidikan membabitkan jutaan murid dan ratusan ribu guru, laporan boleh kelihatan baik sedangkan sesebuah sekolah masih berdepan tandas rosak, ketidakhadiran guru atau ketakutan murid akibat buli.

Pemeriksaan secara tidak formal di sekolah pada setiap Jumaat membolehkan Perdana Menteri mengesan masalah pada peringkat paling terperinci dan menyampaikan maklum balas segera kepada Menteri Pendidikan.

Penekanan beliau terhadap tandas bersih, keselamatan, kehadiran guru dan tindakan tegas terhadap buli juga memperlihatkan kualiti pendidikan

tidak boleh diukur melalui peperiksaan semata-mata. Murid tidak dapat belajar dengan baik sekiranya mereka takut hadir ke sekolah atau kemudahan asas tidak terurus.

Perdana Menteri turut menolak budaya menyembunyikan kes buli demi menjaga imej institusi. Pen dedahan secara jujur oleh guru besar atau pengetua jauh lebih bertanggungjawab daripada perlindungan reputasi akhirnya mengorbankan kebajikan murid.

Ucapan ini turut menghubungkan mutu pendidikan dengan keadilan. Meritokrasi, menurut beliau, mesti diseimbangkan dengan prinsip *justice as fairness*.

Murid di pedalaman atau kawasan miskin bandar tidak bermula dengan kemudahan sama seperti murid di sekolah berasrama penuh atau sekolah terkemuka di ibu kota.

Oleh itu, peluang saksama memerlukan peruntukan, guru, teknologi dan sokongan tambahan kepada sekolah ketinggalan, bukan sekadar meletakkan semua murid dalam persaingan sama.

“Perdana Menteri turut menolak budaya menyembunyikan kes buli

Peruntukan pendidikan meningkat

Pendedahan paling menarik dalam ucapan itu ialah penjelasan mengenai rutin beliau pada setiap hari Jumaat sejak mula menjadi Perdana Menteri. Sudah lebih tiga tahun, beliau membiasakan diri singgah di warung sebelum ke masjid, bertemu orang ramai dan berbual secara langsung dengan murid-murid sekolah.

Pertanyaan beliau bukan bersifat umum, tetapi secara spesifik seperti adakah guru hadir, adakah guru ganti disediakan, berapa tandas rosak, apakah masalah disiplin dan bagaimana keadaan sebenar sekolah. Murid, menurut beliau, sering memberikan jawapan lebih terus terang berbanding laporan melalui beberapa lapisan pentadbiran.

Amalan ini jelas tidak bermaksud beliau mahu mengetepikan KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) mahupun Pejabat Pendidikan Daerah (PPD).

demi menjaga imej
institusi. Pendedahan
secara jujur oleh guru
besar atau pengetua jauh
lebih bertanggungjawab
daripada perlindungan
reputasi akhirnya
mengorbankan
kebajikan murid ”



Anwar beramah mesra bersama murid pada Majlis Peluncuran AI Malaysia di Kuala Lumpur, Selasa lalu.

Data peruntukan menunjukkan pendidikan menerima keutamaan semakin besar. Jumlah peruntukan mengurus dan pembangunan KPM meningkat daripada RM52.62 bilion pada 2022 kepada RM66.19 bilion pada 2026, peningkatan sekitar 26 peratus.

Belanjawan 2026 memperuntukkan RM1 bilion untuk pembangunan semula bangunan daif di 521 sekolah, RM1 bilion bagi penyelenggaraan sekolah, termasuk kuarters, tandas, surau, kantin dan bilik guru serta pembinaan 38 sekolah baharu dan 350 prasekolah.

Sebanyak RM5.8 bilion diperuntukkan bagi pelbagai bantuan persekolahan, manakala RM114 juta disediakan untuk latihan guru termasuk pedagogi STEM dan persediaan kurikulum 2027.

Kemajuan fizikal turut dapat dilihat melalui projek pembangunan semula bangunan daif di sekolah. Sehingga bulan ini, kerajaan meluluskan 1,275 projek pembangunan semula bangunan daif di sekolah di seluruh negara dengan kos keseluruhan berjumlah RM13.86 bilion. Sebanyak 816 projek sudah siap sepenuhnya, 176 projek dalam pembinaan manakala 283 projek lagi berada pada peringkat prabina.

Arah pembaharuan ini diperkukuh melalui Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026- 2035 mengandungi tujuh teras strategik dan 49 prakarsa berimpak tinggi.

Perdana Menteri turut mengumumkan peluasan Bantuan Am Persekolahan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin RM150 kepada lebih 30,000 pelajar Tingkatan Enam layak. Beliau juga memuktamadkan tingkatan enam kekal di bawah KPM masa ini, tetapi diberikan identiti prauniversiti.

Keputusan ini lahir daripada maklum balas pelajar ditemuinya, menunjukkan bagaimana amalan turun padang mempengaruhi pembentukan dasar.

Kesimpulannya, pendekatan begini menunjukkan satu kaedah pemerintahan yang baik, setiap dasar besar mahu dilaksanakan mesti diuji terlebih dahulu melalui pengalaman sebenar murid.

Peningkatan peruntukan, pembaikan sekolah daif, pengembangan STEM, TVET, prasekolah, persediaan AI dan pelbagai langkah lain menunjukkan KPM sedang bergerak ke arah pembaharuan lebih mantap sejak 2022.

Ukuran kejayaan paling jujur tetap mudah, iaitu adakah murid berasa selamat, adakah guru hadir, adakah tandas berfungsi, adakah jurang pendidikan mengecil dan adakah setiap anak benar-benar belajar.